

## FOKUS STRATEGI KESELAMATAN DALAM NEGERI 2019

Muhyiddin Mohd Yassin <sup>1</sup>

### ABSTRACT

*The Ministry of Home Affairs (MOHA) is instrumental in preserving that the security and public order in the country is maintained at all times. Given the fact that today's world is witnessing more complex, non-conventional and cross border threats augmented by wider application of social media, the task in maintaining national security and public order is indeed challenging. In order to ensure security threats and uncertainties are curtailed and kept at bay, MOHA had undertaken efforts to identify and implement specific strategies in 2019. Three main thrusts of MOHA's strategic focussed areas in 2019 are namely enhancing security and public order; reforming institutions and people-centric service delivery; and strengthening national border control and maritime security as well as addressing transnational crimes. Subsequently, a total of 13 strategic focussed areas have been identified to be implemented by the various departments and agencies under the ambit of MOHA. To facilitate the successful implementation of the various strategic focussed areas, a total of 27 initiatives/activities have also been outlined to be monitored as the key performance indicators.*

**Keywords:** Focus strategy, Ministry of Home Affairs, key performance indicators.

### PENDAHULUAN

Pada 9 Mei 2018, rakyat Malaysia yang layak mengundi telah menunaikan tanggungjawab mereka mengambil bahagian dalam Pilihan Raya Umum Keempat belas (PRU-14). Para pengundi telah melaksanakan hak dalam proses demokrasi dengan membuat pilihan menentukan wakil masing-masing bagi membawa suara mereka di Parlimen dan juga Dewan-dewan Undangan Negeri. Akhirnya, setelah 61 tahun merdeka, PRU-14 menyaksikan sebuah Kerajaan baharu telah ditubuhkan di peringkat Persekutuan. Satu perkara yang perlu kita semua wajar syukuri dan banggakan ialah proses pilihanraya dan penubuhan Kerajaan baharu tersebut telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang kejadian yang mengganggu gugat dan mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di negara kita.

---

<sup>1</sup>Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin is the currently the Minister of Home Affairs, Malaysia.

Setinggi tahniah diucapkan kepada rakyat Malaysia di atas kematangan mereka sehingga berjaya memastikan proses peralihan Kerajaan berlaku dengan baik sekali. Sekalung penghargaan juga wajar diberikan kepada semua anggota penguatkuasa keselamatan kerana telah berjaya mengekalkan keharmonian dan keamanan di saat yang genting tersebut. Diharapkan komitmen dan kerjasama semua pihak bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini sentiasa terpelihara akan terus bertambah kukuh.

## **ILTIZAM KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Dalam pentadbiran Kerajaan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah bertanggungjawab memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini sentiasa terjamin. KDN juga sentiasa mendepani segala cabaran dan peka dengan risiko dalam menghadapi segala kemungkinan berlakunya kejutan dan ketidaktentuan global dari segi keselamatan (Kementerian Dalam Negeri, 2005).

Berikutan keputusan PRU-14, Kerajaan Malaysia Baharu di bawah Pakatan Harapan telah menetapkan reformasi dan akauntabiliti sebagai keutamaan dan penekanan baharu dalam pentadbiran negara. Sehubungan itu, dalam aspek pengurusan keselamatan dan ketenteraman awam, KDN memberi tumpuan kepada usaha menjadikan negara lebih selamat dan terjamin dengan meningkatkan keupayaan agensi penguatkuasaan dan keselamatan serta mempergiat usaha pencegahan jenayah. Antara perkara yang dijadikan fokus umum sebagaimana juga terkandung di dalam Buku Harapan: Membina Negara Memenuhi Harapan adalah keperluan memperkasakan peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam pembanterasan jenayah dan memperkuuhkan kawalan sempadan negara (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, 2018).

## **CABARAN DI SEKTOR KESELAMATAN**

Sehingga akhir 1980an, Malaysia berpengalaman berhadapan dengan ancaman subversif komunis. Hasil daripada usaha bersepadi agensi keselamatan, pengaruh subversif komunis dapat dibendung dan Parti Komunis Malaya (PKM) telah meletakkan senjata pada 1989. Walaupun perjuangan secara konvensional menentang pengaruh komunis tersebut adalah perit dan mengorbankan banyak nyawa dalam kalangan anggota keselamatan sendiri, setidak-tidaknya musuh yang diperangi pada masa itu adalah jelas, nyata dan bersifat setempat. Sebaliknya, cabaran di sektor keselamatan pada masa ini adalah lebih sukar kerana ia tidak lagi bersifat konvensional, lebih kompleks dan merentasi sempadan, termasuk dipacu oleh perkembangan dan penggunaan media sosial secara meluas dan bersifat global.

Dari segi teknologi, dunia pada masa kini menyaksikan kemunculan gelombang teknologi baharu yang dikenali sebagai Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0). Fenomena IR 4.0 yang didorong oleh revolusi digital bukan hanya tertumpu kepada sektor pembuatan malah turut melibatkan sektor perkhidmatan (Schwab, Klaus, 2016). Perkembangan teknologi canggih ini juga dijangka mempengaruhi sektor keselamatan pada masa hadapan. Sehubungan itu, KDN akan turut memanfaatkan penumpuan dan keterkaitan teknologi (*technology connectivity and convergence*) dalam mewujudkan organisasi berteraskan keselamatan yang bersifat dinamik dan fleksibel. Ini termasuk penggunaan konsep *Internet of Things* (IoT) dan *Artificial Intelligence* (AI) bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, penguatkuasaan keselamatan dan pemberantasan jenayah.

Oleh yang demikian, dalam mendepani cabaran di sektor keselamatan dan ketenteraman awam di era ini, KDN sentiasa mengambil kira faktor-faktor luaran dan dalaman seperti berikut:

- i. Ancaman keselamatan bukan sahaja bersifat konvensional tetapi juga bukan-konvensional seperti jenayah rentas sempadan, pengganas dan ekstremisme;
- ii. Kedudukan geografi Malaysia yang strategik dan mempunyai sempadan darat dan laut yang panjang dan luas;
- iii. Pengurusan pintu masuk negara yang semakin mencabar;
- iv. Pengurusan pendatang asing dalam negara, termasuk pekerja asing, pendatang tanpa izin, pelarian dan pencari suaka politik selaras dengan kehendak industri dan antarabangsa;
- v. Perkembangan ancaman dadah jenis baharu melibatkan bahan psiko aktif yang lebih berbahaya seperti *New Psychoactive Substance (NPS)*;
- vi. Jenayah siber yang lebih canggih dari segi keupayaan dan kemahiran tinggi menggunakan modus operandi serangan yang lebih efektif seperti *user generated content, malware, spoofing, high yield investment program, e-commerce fraud, pornography* dan *on-line gambling* yang merentasi sempadan;
- vii. Keperluan menggubal dan menyemak semula perundangan agar selari dengan hak asasi manusia tanpa meminggirkan kedaulatan dan keselamatan Negara;
- viii. Penerimaan dan penyertaan masyarakat dalam program pemulihan berasaskan komuniti (*community-based rehabilitation*);

- ix. Persepsi masyarakat terhadap senario jenayah dalam Negara;
- x. Isu integriti dalam proses penyampaian perkhidmatan di dalam sektor keselamatan; dan
- xi. Kekangan sumber manusia, teknologi, infrastruktur dan kewangan yang sesuai dan mencukupi.

## **MERANGKA FOKUS STRATEGI KDN 2019**

Bagi memastikan matlamat dan hala tuju KDN adalah selari dengan harapan Malaysia Baharu dan bagi merealisasikan visi KDN untuk menjadi ‘Peneraju Keselamatan dan Keamanan Dalam Negeri’, Fokus Strategi KDN bagi tahun 2019 telah dirangka dan ditetapkan. Lazimnya, fokus strategi dibincangkan dalam kajian ilmiah entiti perniagaan bertujuan untuk memastikan keuntungan berterusan walaupun dalam situasi pasaran yang tidak menentu. Di sektor awam, perbincangan mengenai pembangunan fokus strategi masih di peringkat awal, kemungkinan kerana anggapan bahawa tiada persaingan yang wujud di sektor berkenaan. Isu ketiadaan persaingan di sektor awam yang mana lebih fokus dalam menyampaikan perkhidmatan dan menyelesaikan isu masyarakat menyebabkan organisasi sektor awam dilihat gagal untuk membentuk dan melaksanakan strategi yang baik. Kekurangan maklumbalas daripada masyarakat juga menyebabkan kegagalan dalam membentuk strategi sektor awam yang berkesan (Innes & Booher, 2004).

Sehubungan itu, Fokus Strategi KDN 2019 dibentuk untuk menetapkan hala tuju pengurusan keselamatan dalam negeri agar selari dengan visi dan misi Kementerian dan jangkaan pemegang taruh (*stakeholders*) di samping mengambil kira cabaran semasa di sektor keselamatan serta penggunaan sumber secara optimum (Yassin, 2019).

Kerangka penghasilan Fokus Strategi KDN 2019 dibentuk berpandukan kepada kajian ilmiah daripada pelbagai sumber dan analisis strategi terhadap data yang dikumpulkan daripada pemegang taruh yang terlibat. Sumber utama kerangka fokus strategi ini ialah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Dasar Keselamatan Negara (DKN), Dasar Keselamatan Dalam Negeri (DKDN) dan Pelan Strategi KDN 2015-2020. Selain itu, Fokus Strategi KDN 2019 telah dijajarkan dengan kerangka *Outcome Based Budgeting (OBB)* KDN, Fokus Belanjawan 2019 dan juga Manifesto Pakatan Harapan.

## PENETAPAN FOKUS STRATEGI KDN 2019

Setelah mengambil kira faktor dan cabaran yang boleh mempengaruhi senario keselamatan pada masa kini, KDN akan memberi penekanan kepada tiga belas (13) fokus strategi seperti berikut:

- i. Menggubal dan menyemak semula dasar dan undang-undang agar sentiasa relevan, berkesan mengikut keperluan semasa dan memenuhi kepentingan pemegang taruh dengan mengekalkan konsep kedaulatan undang-undang (*The Rule of Law*);
- ii. Memperkuatkukuhkan dan mempelbagaikan inisiatif libat urus masyarakat (*community engagement*) dalam usaha mencegah jenayah dalam kalangan rakyat, terutamanya dengan meningkatkan penglibatan sektor swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO);
- iii. Mengadaptasikan teknologi berteraskan kepada *Internet of Things* (IoT) dan *Artificial Intelligence* (AI) dalam penguatkuasaan dan pembanterasan jenayah;
- iv. Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dengan penggunaan teknologi ke arah keselamatan digital (*digital security*);
- v. Memperkemaskan dasar dan pengurusan kewarganegaraan;
- vi. Memperhebatkan strategi pencegahan dan kawalan radikalisme serta ekstremisme dan usaha memerangi keganasan secara global;
- vii. Memperkasakan struktur kawalselia keselamatan di sempadan darat dan maritim negara secara bersepadu;
- viii. Memerangi pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran serta jenayah rentas sempadan;
- ix. Memperkasakan program koreksional, rawatan, pemulihan dan pasca pemulihan bagi mengurangkan kadar pengulanglaku jenayah dan penagih dadah berulang;
- x. Memperkuatkukuhkan konsep kesukarelawanan keselamatan dan pertubuhan sosial dengan meningkatkan penglibatan komuniti;
- xi. Merombak sistem pengoperasian imigresen berdasarkan kepada ‘*end-to-end operation*’ supaya dapat mengurangkan rasuah dan

- mempercepatkan proses;
- xii. Memperkuatkan kedudukan Malaysia dalam isu hak asasi manusia; dan
  - xiii. Menggalakkan penggunaan media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* dalam menyebarluaskan maklumat berkaitan keselamatan dengan lebih efektif kepada rakyat dan menangani penyebaran maklumat palsu.

Fokus strategi yang dibentuk berkenaan dipayungi oleh tiga teras utama KDN iaitu:

- Teras 1: Pemerkasaan Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
- Teras 2: Reformasi Institusi dan Perkhidmatan yang Berpaksikan kepada Rakyat; dan
- Teras 3: Pengukuhan Kawalan Sempadan Negara dan Keselamatan Maritim serta Pembanterasan Jenayah Rentas Sempadan.

Setiap teras ini mempunyai program dan projek yang tersendiri yang telah dirangka dan direncanakan secara strategik berdasarkan kepada hala tuju dan misi KDN. Bagi memastikan segala program dan projek ini menepati sasaran, sejumlah 27 aktiviti utama dipantau pelaksanaannya merangkumi bidang tugas dan tanggungjawab KDN bersama Jabatan dan Agensi di bawahnya meliputi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara Malaysia (PRIDE), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Teras pertama iaitu pemerkasaan keselamatan dan ketenteraman awam memfokuskan kepada usaha-usaha untuk membanteras jenayah dan meningkatkan persepsi positif rakyat, mengukuhkan pemulihan, rawatan dan program selepas pemulihan yang akan menyumbang kepada pengurangan kadar pengulanglaku jenayah dan penagih dadah berulang. Di samping itu, usaha bagi memantapkan pencegahan jenayah berdasarkan penglibatan

komuniti melalui aktiviti libat urus akan diperkuuhkan. Dasar dan undang-undang berkaitan keselamatan juga akan dikaji semula dan ditambahbaik.

Program-program di bawah teras kedua pula akan memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan penyampaian proses perkhidmatan KDN terutamanya yang melibatkan kecekapan penyampaian proses perkhidmatan di JPN dan JIM. Jaringan komunikasi dan penyebaran maklumat berkaitan keselamatan akan dimantapkan dengan mengoptimumkan platform media sosial dalam mempromosikan perkhidmatan dan produk agensi-agensi di bawah KDN.

Selanjutnya, program-program di bawah teras ketiga memfokuskan kepada pengurusan keselamatan sempadan darat dan maritim negara yang turut merangkumi pemerkasaan peranan dan fungsi APMM dan ESSCOM yang telah diletakkan di bawah KDN. Ini termasuk pemantapan mekanisme pemberantasan jenayah rentas sempadan dan kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI).

## **MENGENALPASTI INDIKATOR UTAMA PENCAPAIAN**

Di bawah teras dan program yang dinyatakan, projek-projek telah dirangka dengan disokong oleh aktiviti/inisiatif masing-masing. Terdapat 27 aktiviti utama yang menjadi indikator pencapaian bagi setiap projek seperti di Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1: Aktiviti/Inisiatif di bawah Fokus Strategi KDN 2019**

<b>Teras 1: Pemerkasaan Keselamatan dan Ketenteraman Awam</b>		
<b>Bil</b>	<b>Projek</b>	<b>Aktiviti/Inisiatif</b>
1	Usaha-usaha memerangi jenayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengurangkan jenayah indeks bagi setiap 100,000 penduduk; dan</li> <li>ii. Menjalankan operasi penguatkuasaan bagi kes-kes yang melibatkan jenayah komersil secara atas talian (jenayah siber dan multimedia).</li> </ul>

Bil	Projek	Aktiviti/Inisiatif
2	Pengukuhan imej PDRM dan peningkatan persepsi rasa selamat rakyat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengukur persepsi rasa selamat melalui <i>Perception of Security Indicator (PSI)</i>; dan</li> <li>ii. Memastikan tindak balas PDRM dalam tempoh masa 14 minit selepas menerima penggilan melalui MERS 999.</li> </ul>
3	Pengurangan pengulang laku jenayah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menggalakkan Orang DiParol (ODP) menjalani perintah parol di bawah program “<i>Corporate Smart Internship</i>” (CSI Parol); dan</li> <li>ii. Meningkatkan penglibatan Orang Diselia (ODS) yang mengikuti Program Reintegrasi Penghuni Industri (PRP-I).</li> </ul>
4	Pengurangan penagih berulang	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan klien pra-bebas mendapat penempatan pekerjaan; dan</li> <li>ii. Memastikan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan.</li> </ul>
5	Komuniti selamat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan <i>Training of Trainer (ToT)</i> kepada ketua pemimpin komuniti dalam melaksanakan program-program pendidikan pencegahan dadah; dan</li> <li>ii. Melaksanakan libat urus PDRM bersama komuniti melalui program <i>Customer Engagement Day/Talk To Us Program</i>.</li> </ul>
6	Semakan semula dasar, akta dan peraturan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan rang undang-undang berkaitan keselamatan.</li> </ul>

**Teras 2: Reformasi Institusi dan Perkhidmatan yang Berpaksikan kepada Rakyat**

Bil	Projek	Aktiviti/Inisiatif
7	Pengurusan rekod warganegara	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengeluarkan gantian MyKad dalam tempoh 30 minit di pusat percetakan teragih;</li> <li>ii. Mengeluarkan MyKid dalam tempoh 30 minit di pusat percetakan teragih; dan</li> <li>iii. Mengeluarkan surat keputusan permohonan kewarganegaraan dalam tempoh 12 hari bekerja.</li> </ul>
8	Pengurusan keimigresenan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan inspektorat bersepada bersama Agensi Kawal Selia (AKS) bagi pengambilan pekerja asing; dan</li> <li>ii. Mengeluarkan kelulusan pembantu rumah asing melalui Sistem <i>Maid online</i> yang lengkap diluluskan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.</li> </ul>
9	Aktiviti kesukarelawanan dan kesedaran keselamatan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan rondaan keselamatan sukarela di seluruh negara;</li> <li>ii. Melaksanakan rondaan keselamatan di kawasan komuniti dalam ESSZONE dan berhampiran dengan sempadan darat Sabah dan Sarawak dengan Indonesia;</li> <li>iii. Mengambil tindakan ke atas pertubuhan yang tidak mematuhi Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335); dan</li> <li>iv. Memantau pematuhan syarat oleh persatuan penduduk yang menerima Geran Persatuan Penduduk.</li> </ul>
10	Pengoptimuman media	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperhebatkan aktiviti publisiti untuk menularkan produk/perkhidmatan KDN melalui media sosial.</li> </ul>

**Teras 3: Pengukuhan Kawalan Sempadan Negara dan Keselamatan Maritim serta Pembanterasan Jenayah Rentas Sempadan**

<b>Bil</b>	<b>Projek</b>	<b>Aktiviti/Inisiatif</b>
11	Kawalan sempadan darat dan keselamatan maritim	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengurangkan bilangan kes jenayah berat maritim/profaill tinggi;</li> <li>ii. Mengoptimumkan <i>response time</i> aduan kecemasan dalam masa 60 minit;</li> <li>iii. Melaksanakan operasi bersepdu di kawasan ESSZONE; dan</li> <li>iv. Melaksanakan OPS bersepdu kawalan sempadan darat.</li> </ul>
12	Usaha-usaha memerangi jenayah rentas sempadan dan PATI	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempergiatkan operasi membanteras PATI dan majikan yang menggaji PATI; dan</li> <li>ii. Melaksanakan Rangka Kerja Antipenyeludupan Migran Peringkat ASEAN (2019-2021).</li> </ul>

## PENUTUP

Dalam mengharungi arus globalisasi, kita semakin terdedah kepada ancaman keselamatan dari dalam dan luar negara. Sehubungan itu, sebagai peneraju keselamatan dan keamanan dalam negeri, KDN menggalas tanggungjawab untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini terpelihara. Kunci kejayaan pelaksanaan inisiatif tersebut terletak kepada kerjasama kolektif semua warga KDN dengan berpegang kepada matlamat yang sama. Dengan menghayati Fokus Strategi KDN 2019 berkenaan, jangkaan pemegang taruh KDN dapat diterjemah dengan jelas dan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan mencapai sasaran yang ditetapkan. KDN akan terus menggembeling tenaga bagi merealisasikan fokus strategi tersebut ke arah memastikan keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara. Kejayaan ini akan tercapai dengan komitmen yang tinggi dan kerjasama jitu daripada semua pihak yang terlibat.

## RUJUKAN

- Innes, Judith E. & Booher, David E. (2004). *Reframing public participation: Strategies for the 21st century*. Planning Theory & Practice. Volume 5, No. 4, pp. 419-436 December 2004. Routledge, Taylor & Francis Group, Ltd.
- Kementerian Dalam Negeri. (2015). Perancangan Strategik KDN 2015-2020. Putrajaya: Bahagian Perancangan Strategik.
- Majlis Keselamatan Negara. (2019). Dasar Keselamatan Negara. Diakses pada 10 Mac [https://www.mkn.gov.my/media/story/Bahasa\\_Melayu-DASAR\\_KESELAMATAN\\_NEGARA.pdf](https://www.mkn.gov.my/media/story/Bahasa_Melayu-DASAR_KESELAMATAN_NEGARA.pdf)
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. (2018). Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020: Keutamaan dan Penekanan Baharu. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Tan Sri Muhyiddin Yassin. (2019). Majlis Amanat Tahun Baharu, Kementerian Dalam Negeri Tahun 2019. Pejabat Menteri Dalam Negeri: Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya.
- Kementerian Dalam Negeri. (2017). Dasar Keselamatan Dalam Negeri. Kementerian Dalam Negeri.
- Schwab, Klaus (January 11, 2016). *The Fourth Industrial Revolution. World Economic Forum*. ISBN 1944835008.

